



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
BORNEO FLORA FESTIVAL 2025**

**30 JULAI 2025**

**KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA  
LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَصَلَوةُ وَسَلَامٌ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ اشْرَفِ  
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، رَبِّنَا آتَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً،  
وَهَيْئَ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رِشْدًا، رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِيْ، وَيُسِّرْ لِيْ  
أَمْرِيْ، وَاحْلِلْ عَقْدَةَ مِنْ لِسَانِيْ، يَفْقَهُوا قَوْلِيْ.

Ketua Pengarah JWP – **Datuk Seri Noridah**

Sahabat saya, **Yang Berhormat Dato' Suhaili**

**Dato' Fadlun** – Presiden Perbadanan Putrajaya

**Encik Sukuran** – Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan

**Encik Ismadi** – Pengarah Eksekutif DBKL

Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan Swasta dari Labuan, Sabah dan Sarawak;

Rakan-rakan strategik;

Pemimpin-pemimpin masyarakat;

Rakan-rakan media;

Saudara saudari sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur setinggi-tingginya ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Borneo Flora Festival 2025 telah sampai ke penghujungnya pada hari ini.
2. Saya juga ingin merekodkan di sini ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang telah sudi berangkat ke Labuan buat kali kedua bagi menyempurnakan pembukaan festival ini baru-baru ini. Sudah pasti, keberangkatan Kebawah Duli Tuanku adalah tanda kasih dan perhatian Baginda kepada rakyat Labuan serta satu penghormatan yang cukup besar kepada acara ini.
3. Tidak terkecuali juga untuk saya zahirkan ucapan tahniah kepada Jabatan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atas kesungguhan memindahkan kepakaran dan teknologi mereka yang digunakan di Semenanjung kepada Perbadanan Labuan, agensi-agensi Kerajaan, sekolah-sekolah dan IPT di Labuan dalam memastikan festival ini berjaya dilaksanakan di luar jangkaan seperti ini.

4. Ini sudah pastinya membuktikan apabila kita bersatu hati, bermuafakat dan bergabung tenaga sebagai satu pasukan Wilayah Persekutuan, kita akan menjadi kuat dan segala apa yang dirancang akan pastinya direalisasikan dengan jayanya. Bak kata pepatah: bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat dan saya pinjam aspirasi Datuk Seri Ketua Pengarah: Pesona 3W: 3 Cerita 1 Jiwa.
5. Saya boleh beri jaminan bahawa ini buat pertama kali dalam sejarah penubuhan Wilayah Persekutuan sejak 50 tahun yang lalu, di bawah kepimpinan Kerajaan MADANI pada hari ini, kesemua agensi di bawah kendalian Jabatan Wilayah Persekutuan memberi tumpuan khusus kepada Labuan, dengan hasrat yang sama, iaitu untuk memastikan kesejahteraan dan ketampakan Labuan itu ditingkatkan.
6. Ya, baik saya, Ketua Pengarah Datuk Seri Noridah dan Datuk Fadlun, boleh untuk terus duduk selesa di Putrajaya. Hanya fokus buat dasar semata-mata dan pelaksanaannya biar Perbadanan Labuan dan agensi-agensi di Labuan laksanakan. Hanya salur peruntukan. Tapi budaya kerja sebegini tidak lagi boleh diamalkan. Sebab itu, saya bersyukur dengan pasukan kerja yang sama-sama bersinsing lengan, atas dasar kita tidak mahu lagi Labuan ketinggalan. Kita mahu Labuan, duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

7. Jadi, saya ambil pendekatan yang sedikit berbeda, semua agensi perlu berganding bahu, berkongsi sumber dan bergerak bersama. Yang mungkin ada kelebihan dari segi kepakaran dan kewangannya, perlulah menyokong yang memerlukan seperti Labuan, kerana ini adalah prinsip Wilayah Persekutuan Kita. Tidak boleh lagi ada sikap – ‘kau-kau, aku-aku’ – atau sikap memisahkan peranan dan tanggungjawab antara satu sama lain. Itu sudah tidak terpakai lagi di Wilayah Persekutuan dan perlu diganti dengan semangat kerjasama yang menyeluruh dan inklusif.

## **KEHADIRAN PENGUNJUNG 100 PERATUS MELEBIHI SASARAN AWAL**

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

8. Alhamdulillah, sejak hari pertama BFF sehingga ke sekarang ini, Labuan dilihat telah menjadi pusat tumpuan pelancongan tropika yang mengangkat keindahan flora Borneo dan kekayaan biodiversiti rantau ini dengan lebih 250 ribu flora tropika menghiasi kawasan festival ini, dengan beberapa spesis pokok yang jarang-jarang ditemui, turut dipamerkan.

9. Labuan juga telah menjadi fenomena di media sosial. Di TikTok saya, video berkaitan BFF sentiasa dalam senarai FYP. Ini adalah satu petanda yang baik. Walaupun ya, saya akui tentang isu-isu logistik seperti feri, penginapan dan lain-lainnya tentu ada – itu saya minta JWP dan PL untuk teruskan *explore* atau menerokai kaedah penyelesaian dan saya yakin tiada permasalahan yang tidak boleh diselesaikan.
10. Seperti semua sedia maklum, sasaran awal kehadiran pengunjung ke BFF adalah seramai 50 ribu pengunjung untuk 5 hari. Pada ketika saya mengumumkan perkara itu, ramai orang yang agak skeptikal. Saya dapat mesej dari pelbagai pihak mengatakan bahawa angka itu tidak realistik. Ada kritikan diberikan secara terbuka di surat khabar. Namun, saya tetap konsisten dengan angka tersebut. Apa hasilnya? **Pada hari pertama sahaja lebih 37 ribu pengunjung dan saya nak umumkan jumlah kehadiran keseluruhan setakat jam 2.00 petang tadi adalah 104,543 pengunjung – melepassi 100 peratus dari sasaran awal. Belum termasuk yang akan hadir pada malam penutup hari ini.**
11. Yang hadir ini bukan hanya orang Labuan, bahkan dari negeri dan negara jiran seperti Sabah, Sarawak, Brunei, Potianak, juga dari negeri-negeri lain di Semenanjung seperti Johor, Selangor dan Negeri Sembilan. Lebih mengagumkan, kita juga terima pengunjung dari Makassar, Indonesia dan Timor Leste yang hadir ke sini semata-mata untuk melihat keindahan flora di BFF ini.

12. Semalam, saya makan malam bersama Duta Besar Timor Leste ke Brunei, *His Excellency* Ambassador Guterres, yang turut sama untuk melihat sendiri tapak BFF ini. Sudah pasti, ini satu pencapaian yang sangat membanggakan. Ini juga membuktikan bahawa diplomasi budaya mampu merapatkan hubungan serantau.
13. Ada yang bertanya – baik kepada saya secara terus atau melalui media sosial – apa manfaatnya kepada rakyat Labuan?
  - 13.1. Yang berniaga di ruangan BFF ini kebanyakannya adalah orang Labuan. Sewa tapak yang dikenakan hanyalah sejumlah 300 ringgit, tetapi hasil tinjauan saya baru-baru ini, hari pertama sahaja mereka dah balik modal, dan ada yang dapat *sales* sehingga 5 ribu ringgit untuk hari pertama. Itu baru hari pertama. Rata-rata kedai jualan yang sempat saya kunjungi berpuas hati dengan jualan masing-masing seperti F&B, kedai kain dan pakaian, kraftangan, coklat dan *perfume*.
  - 13.2. Kedai-kedai sekitar, yang dulu katanya hanya boleh berniaga sehingga jam 9 malam sebab tiada pelanggan selepas waktu tersebut, kini mereka boleh panjangkan masa operasi sehingga jam 11 malam kerana masih ada pelanggan. Ada juga restoran-restoran yang telah terima tempahan sejak 2 bulan yang lalu lagi.

- 13.3. Bukan itu sahaja, industri perhotelan juga terima manfaat. *Occupancy rate* hotel-hotel di Labuan sehingga 100 peratus. Bilik penuh semuanya.
- 13.4. Industri inap desa atau *homestay* pun sama. Penuh. Ada juga yang kreatif sehingga buka rumah mereka sendiri untuk dijadikan *homestay* juga – pun penuh.
- 13.5. Tempat tumpuan pelancong seperti Muzium Chimney di Tanjung Kubong, sebelum ini terima kira-kira 100 pengunjung sehari, pada waktu BFF ini mereka terima sehingga 300 ke 400 pengunjung sehari. 2 hari lepas saya pun berkesempatan mendaki di sana melihat ketakjuban dan keindahan salah sebuah dari 16 tapak *geopark* di Labuan ini.
- 13.6. Kedai-kedai *souvenir* pun laku keras. Baru-baru ini, Raja Permaisuri Agong juga telah melancarkan satu produk baru dari Wilayah Persekutuan iaitu produk LAWA dan buka galeri di tengah-tengah bandar Labuan, di mana kita perkenalkan dan jual kraftangan orang tempatan dan produk-produk komuniti secara komersial, termasuk batik linut sebagai batik ikonik Labuan.

14. Limpahan ekonomi seperti ini kita tidak nampak jelas, sekiranya kita hanya tumpu kepada sektor *oil and gas* dan sektor kewangan luar pesisir atau *financial offshore* semata-mata sebagai sektor utama, walaupun sektor tersebut menyumbang angka yang begitu signifikan kepada KDNK per kapita Labuan. Kerana itu, saya ambil pendekatan untuk alih kan tumpuan kepada industri pelancongan atau “ekonomi jingga” dan insya-Allah kelak “ekonomi biru” sebagai sektor alternatif di Labuan, yang mana hasil dan manfaatnya dapat dinikmati secara terus oleh rakyat Labuan.
15. Namun begitu, saya kira kita tidak boleh hanya berhenti di sini. Kita perlu terus menerus meningkatkan usaha dan memastikan Labuan ini menjadi tumpuan pelancongan serantau, dalam masa yang sama kita juga perlu mempertingkatkan kemudahan-kemudahan kita. Saya optimis ini kita boleh laksanakan bersama-sama.
16. Cabaran saya seterusnya kepada Encik Sukuran dan team Perbadanan Labuan adalah untuk memastikan pelaksanaan Borneo Arts Festival pada September ini diadakan dalam skala yang lebih besar dari apa yang biasa dilaksanakan sebelum ini. Saya akan pantau pelaksanaannya. *I count on you*, Encik Sukuran. Insya-Allah, saya yakin boleh.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

17. Sekali lagi, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua, baik agensi-agensi Kerajaan, pihak swasta, sekolah-sekolah, IPT-IPT, sukarelawan-sukarelawan, peniaga-peniaga dan tentunya pengunjung serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjadikan festival ini satu realiti dan kebanggaan rakyat Labuan.
18. Dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan penutupan Borneo Flora Festival 2025.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.